



## **ANALISIS TREND PENGUNDIAN BERDASARKAN KAUM DI KAWASAN BUKIT GANTANG, PERAK**

(Analysis of Voting Trend According to Ethnic in Bukit Gantang, Perak)

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim,  
Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail

### **ABSTRAK**

Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Bukit Gantang 2009 diadakan pada 7 April 2009 kerana kematian penyandanganya, Roslan Shaharum, daripada PAS. Pilihan raya ini dikatakan dapat dijadikan pungutan suara rakyat sama ada menerima atau sebaliknya terhadap penubuhan kerajaan baru Negeri Perak dibawah pemerintahan BN. Hasil kajian menunjukkan hampir 100 peratus responden etnik Melayu, Cina dan India menjadikan televisyen sebagai sumber utama maklumat politik mereka. Dari segi kriteria calon pula, 72.1 peratus responden Cina menyatakan mereka memilih calon yang mesra rakyat berbanding Melayu (67.9 peratus) dan India (47.9 peratus). 78.7 peratus responden Melayu, 81.6 peratus Cina dan 48.9 peratus responden India bersetuju bahawa mereka tidak merestui wakil rakyat mereka berhenti dan melompat parti. Persoalan mengenai krisis perlembagaan negeri Perak memperlihatkan responden Melayu lebih cenderung menyokong Institusi Raja dan sebaliknya bagi responden Cina dan India. Merujuk kepada jangkaan kemenangan parti, 27.0 peratus responden Melayu, 34.2 peratus Cina dan 57.3 peratus India menyatakan PAS akan menang berbanding dengan 45.5 peratus responden Melayu, 35.5 peratus (Cina) dan 20.8 peratus (India) menjangkakan BN akan menang dalam pilihan raya kecil Parlimen Bukit Gantang tersebut. Ketiga-tiga kaum bersetuju Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak akan dapat menerajui pembangunan negara dengan lebih inovatif dan progresif.

**Kata kunci:** pungutan suara, perlembagaan, Institusi Raja, pembangunan, kriteria calon

### **ABSTRACT**

The Parliamentary by-election of Bukit Gantang was held on the 7th April 2009 after the death of incumbent, Roslan Shaharum, of PAS. This election is said to be an indicator of public referendum whether to accept or not the establishment of a new government under the BN State government. The result of the study shows that almost 100 percent of the Malays, Chinese and Indians respondents choose television as their main source of political information. In terms of candidate selection criteria, 72.1 percent of Chinese respondents, 67.9 per cent Malays and 47.9 per cent Indians choose people-friendly candidate. 78.7 percent of the Malays, 81.6 per cent Chinese and 48.9 per cent of Indian respondents agree that they will not allow their elected representatives to resign and join other party. Concerns about the constitutional crisis of Perak state, the Malays were more likely to show support for the Royal Institution but not from the Chinese and Indian respondents. Referring to the expected victory, 27.0 percent of Malay respondents, 34.2 per cent Chinese and 57.3 per cent Indians said PAS will win the election compared to 45.5 percent of Malay respondents, 35.5 per cent Chinese and 20.8 per cent Indians predicted BN will win the by-election of Bukit Gantang. The three ethnic groups agreed that the Prime Minister of Malaysia, Dato' Sri

Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak will lead the development of the country more innovative and progressive.

**Keywords:** referendum, the constitution, Royal Institution, Development, Criteria for Candidate

## **PENGENALAN**

Pilihan Raya Kecil Parlimen Bukit Gantang 2009 merupakan pilihan raya kecil yang diadakan pada 7 April 2009 kerana kematian penyandangannya, Roslan Shahrurum, daripada PAS. Pilihan raya kecil tersebut diadakan dalam suasana krisis kepimpinan politik yang 'tegang' – krisis Menteri Besar, krisis Perlembagaan, krisis antara parti politik dan bermulanya Dato' Sri Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak mengambil alih kepimpinan negara. Fenomena tersebut menjadikan pilihan raya ini menarik dan membuatkan fikiran pengundi 'bercelaru' dalam menentukan pilihan politik/parti menjelang pilihan raya kecil tersebut. Justeru, tujuan artikel ini ialah untuk menganalisis pola pemikiran dan pilihan parti politik pengundi Melayu, Cina dan India dalam konteks fenomena di atas.

## **KAJIAN LEPAS**

Kajian-kajian awal ke atas faktor isu dan pola kaum terhadap keputusan pilihan raya amat banyak dilakukan penyelidik. R. K. Vasil (1972) dalam bukunya *Politics in a Plural Society: A Study of Non-Communal Political Parties in West Malaysia* menyatakan bahawa faktor etnik ini perlu dilihat dari sudut perkembangan parti politik yang bersifat berbilang kaum. Tesis Vasil ialah parti politik yang padanya, asalnya bersifat berbilang kaum bertukar kepada parti bukan Melayu dan akhirnya menjadi organisasi bukan Melayu yang bersifat perkauman.

Mohd Yusof Kasim dan Azlan Ahmad (2002) dalam kajian pilihan raya 1999, mendapati bahawa bahawa faktor perkauman masih relevan dalam pilihan raya di Malaysia. Namun demikian, pilihan raya umum 1999 menggambarkan kemungkinan faktor tersebut mungkin berkurangan pada masa hadapan dan menjadi salah satu elemen yang penting dalam perkembangan politik baru di Malaysia. Faktor kewilayahan juga mempengaruhi pola pengundian, umpamanya wilayah utara, tengah dan selatan dipelopori oleh UMNO manakala timur oleh PAS. Isu-isu yang hangat dibincangkan juga berdasarkan wilayah antaranya di Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak pada pilihan raya 1999. Antara isu-isu yang diperbincangkan ialah kegawatan ekonomi, kes Anwar Ibrahim, agama dan sebagainya. Selain itu, turut dipaparkan analisis mengenai kesanggupan rakyat menukar kerajaan yang mana pola menunjukkan lebih tinggi yang menyatakan kesediaan khususnya di kawasan timur. Ini dapat dibuktikan melalui kemenangan majoriti 2/3 BN di Kedah (Mohd Fuad Mat Jali & Sabihah Osman 2002).

Mohd. Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar (2005) dalam kajian pilihan raya kecil Pengkalan Pasir pada Mac 2005 memaparkan bahawa pilihan raya kecil tersebut merupakan indikator penilaian kekuatan PAS bertahan di Kelantan dan penaklukan semula kuasa BN. Lazimnya pilihan raya kecil sememangnya memberi kelebihan kepada parti pemerintah, namun begitu, percaturan politik Kelantan tetap menarik kerana kedudukan majoritinya yang rapuh atau bahaya. Jika kemenangan BN di DUN Pengkalan Pasir merupakan satu manifestasi anjakan pemikiran politik pembangunan di kalangan pengundi, sudah pasti fenomena tersebut memihak kepada BN dan dianggap sebagai petanda yang mendorong BN berkuasa semula. Walau bagaimanapun kemenangan semula BN akan tercapai dengan syarat BN mesti mengekalkan kerjasama yang erat seperti yang ditunjukkan dalam pilihan raya

DUN ini, menepati janji dan melaksanakan projek pembangunan terus menerus dan kesepaduan dalam pimpinan UMNO Kelantan itu sendiri.

Ibrahim Abu Shah et al. (2009a) dalam kajian “Isu dan tingkah laku semasa kempen pilihan raya kecil Parlimen Permatang Pauh” menyatakan bahawa isu ekonomi merupakan isu yang hangat dibincangkan di kawasan tersebut. Rakyat mahukan perubahan terutamanya masalah ekonomi yang tidak ketentuan agar kehidupan mereka lebih terjamin. Oleh itu, masalah kepimpinan, rasuah dan kroni perlu diatasi dengan segera oleh BN agar mereka boleh menawan semula hati rakyat.

Zulkarnain Abdul Rahman et al (2009) dalam kajian “Persoalan dan makna di sebalik pilihan raya kecil Permatang Pauh” menjelaskan bahawa pilihan raya tersebut telah berjaya menarik minat dan perhatian pengundi di peringkat nasional termasuk Sabah dan Sarawak memandangkan kerajaan negeri Pulau Pinang kini dikuasai oleh Pakatan Pembangkang, bukannya BN, dan calon yang bertanding merupakan mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia suatu ketika dahulu. Kemenangan Anwar Ibrahim mendapatkan kerusi Parlimen Permatang Pauh akan membolehkan beliau bertapak semula dalam persada politik nasional setelah hampir sepuluh tahun menanti. Kehadirannya dalam Parlimen dan terus menjadi ketua pembangkang pula dilihat boleh memberi kekuatan kepada pakatan pembangkang itu sendiri. Tanpa menafikan adanya kekangan tersendiri dalam membina kekuatan pakatan pembangkang di peringkat nasional, Anwar dikatakan boleh bertindak dan memainkan peranan sebagai faktor penyatu antara parti pembangkang di peringkat nasional, terutamanya antara DAP dengan PAS.

#### **KAWASAN KAJIAN**

Kawasan Parlimen Bukit Gantang (P59) mempunyai tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Trong, Kuala Sepetang dan Changkat Jering. Mengikut Daftar Pemilih pada pilihan raya umum 2008, sebanyak 63.5 peratus pengundi di Parlimen Bukit Gantang adalah orang Melayu, Cina (27.1 peratus) dan India (9.1 peratus). Nama Parlimen Bukit Gantang diambil sempena Kampung Bukit Gantang, penempatan yang dikaitkan dengan Long Jaafar yang mengusahakan perlombongan bijih timah sekitar 1800-an. Parlimen Bukit Gantang terletak kira-kira 70 kilometer dari Ipoh dan dikelilingi tiga bandar utama, iaitu Taiping di utara, sementara Kuala Kangsar di timurnya dan Seri Manjung di selatan. Bukit Gantang adalah kawasan luar bandar meliputi kawasan berpantai di Selat Melaka dan juga kawasan pedalaman berbukit yang sangat sesuai untuk beberapa jenis tanaman.

Jika dilihat dari sudut sejarah geopolitik dan pilihan raya kawasan Bukit Gantang, ia merupakan kubu Perikatan/BN sejak sekian lama. Pada pilihan raya umum pertama 1955, kawasan ini dikenali sebagai ‘Larut dan Matang’ yang dimenangi calon Perikatan daripada MCA iaitu Dr. Cheah Khay Chuan yang menewaskan calon National Association of Perak (NAP), Perak Malay League (PML) dan Parti Buruh dengan majoriti 10,954 undi. Kemudian pilihan raya umum 1959, kawasan ini dikenali sebagai ‘Larut Selatan’ yang dimenangi calon Perikatan iaitu Dr. Lim Swee Aun yang menewaskan calon Parti Progresif Perak (PPP) dan PAS dengan majoriti 4774 undi. Kemudian pada pilihan raya umum 1964, Perikatan melalui penyandang sebelum ini berjaya menewaskan calon United Democratic Party (UDP), Socialist Front (SF) atau Barisan Sosialis dan PAS dengan majoriti 13,826 undi. Namun pada pilihan raya umum 1969 menyaksikan calon daripada Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GRM) iaitu Ng Hoe Hun berjaya menewaskan calon Perikatan (penyandang) dan PAS dengan majoriti 4867 undi. Kemudian pada pilihan raya umum 1974, kawasan ini dikenali sebagai ‘Matang’ telah dimenangi calon BN iaitu Hashim Ghazali yang menewaskan calon Democratic Action Party (DAP), Parti Kemajuan Masyarakat (PEKEMAS) dan Parti Kesatuan Insaf Tanah Air (KITA) dengan majoriti 7777 undi.

Kemudian pilihan raya umum 1978 terus dimenangi calon yang juga merupakan penyandang daripada BN yang menewaskan calon DAP dan PAS dengan majoriti 9733 undi. Seterusnya pilihan raya umum 1982, BN mengekalkan kemenangan melalui calonnya Mohamad Razlan Haji Abdul Hamid yang menewaskan calon DAP dan PAS dengan majoriti 10,419 undi. Seterusnya pada pilihan raya umum 1986 menyaksikan kawasan ini dikenali sebagai 'Bukit Gantang' yang terus dimenangi BN iaitu Abdullah Fattah @ Abdullah Fadzil Datok Panglima Kinta @ Che Wan yang menewaskan calon PAS dengan majoriti 6951 undi. Kemudian pada pilihan raya umum 1990, BN melalui penyandang mengekalkan kemenangan dengan menewaskan calon PAS dengan majoriti 7213 undi. Berikutnya pada pilihan raya umum 1995, BN juga melalui calon penyandang sebelum ini kekal menang dengan majoriti 15,154 undi menewaskan calon Parti Melayu Semangat 46. Seterusnya pada pilihan raya umum 1999, Calon BN yang sama (Dato' Dr. Abdullah Fadzil Che Wan) berjaya mengekalkan kemenangan dengan menewaskan calon PAS isitu majoriti kemenangan 5101 undi. Berikutnya pada pilihan raya umum 2004, Calon BN (GERAKAN) iaitu Tan Lian Hoe menewaskan calon PAS iaitu Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali dengan majoriti 6702 undi. Pada pilihan raya umum 2008, Roslan Shaharum (PAS) memenangi kerusi Parlimen Bukit Gantang dengan menewaskan bendahari UMNO Pusat/Malaysia, Datuk Abdul Azim Zabidi (BN) dan calon Bebas, M. Morgan. Beliau memperoleh 20,015 undi berbanding Azim yang meraih 18,449, manakala calon Bebas hilang deposit apabila hanya memperoleh 872 undi.

Jika dilihat kepada kawasan-kawasan DUN yang terdapat dalam Parlimen Bukit Gantang, DUN Trong dimenangi oleh Datuk Rosli Husin yang juga Ketua Umno Bahagian Bukit Gantang menumpaskan calon PAS, Norazli Musa, dengan majoriti 916 undi manakala DUN Changkat Jering dimenangi calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang kini menjadi Wakil Rakyat Bebas yang menyokong BN, Mohd Osman Jailu menewaskan Datuk Mat Isa Ismail (BN) dengan majoriti 1,102 undi dan Kuala Sepetang dimenangi Tai Sing Ng (PKR) mengalahkan See Tean Seng (BN) dengan majoriti 564 undi. Barisan Nasional (BN) pada 14 Mac 2009 mengumumkan bekas Ketua Penerangan UMNO Bahagian Bukit Gantang, Ismail Saffian, 49, sebagai calon BN Parlimen Bukit Gantang yang sekaligus mengembalikan semula calon anak tempatan bertanding di Parlimen Bukit Gantang selepas 23 tahun. PAS pula mencalonkan bekas Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ir. Mohd Nizar Jamaludin yang juga ADUN Pasir Panjang, Perak. Kali terakhir anak tempatan bertanding dan menang di kawasan berkenaan ialah pada pilihan raya umum 1982 apabila kerusi berkenaan yang ketika itu dikenali sebagai Parlimen Matang dimenangi Ketua Umno Bahagian, Datuk Mohamad Razlan Abdul Hamid. Selepas itu apabila persempadanan semula pilihan raya dibuat dan dikenali sebagai Parlimen Bukit Gantang, kerusi berkenaan diwakili 'orang luar' iaitu bekas Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan selama empat penggal (1986-1999); Datuk Tan Lian Hoe (2004) dari BN serta buat pertama kalinya, Roslan Shaharum (PAS) memenangi kerusi berkenaan dalam pilihan raya umum 2008 (Suruhanjaya Pilihan Raya, Laporan Pilihan Raya Umum 1955-2008).

Seramai 55,562 orang pengundi di parlimen Bukit Gantang yang terdiri daripada 35,160 (63.28 peratus) Melayu, 15,101 (27.18 peratus) Cina dan 5,299 (9.54 peratus). 34.12 peratus adalah mewakili kumpulan pengundi muda, iaitu melibatkan pertambahan 690 orang berbanding jumlah semasa PRU lalu. Pembahagian pengundi muda mengikut kaum pula ialah 68.68 peratus Melayu, 23.91 peratus Cina dan 9.42 peratus India. Sementara pembahagian pengundi muda mengikut jantina pula didapati, 9,808 (51.73 peratus) lelaki dan 9,151 (48.27 peratus) wanita. Dibandingkan dengan jumlah pengundi muda pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2008, maka pada Pilihan Raya Kecil (PRK) 2009 ini pertambahan lebih besar (0.18 peratus) berlaku bagi pengundi muda wanita (366 orang) berbanding lelaki (324 orang).

Selain daripada itu, daftar pemilih yang disahkan oleh SPR untuk PRK ini turut mendapati seramai 11,286 (20.31 peratus) pengundi dalam kohort umur warga emas dan 25,189 (45.33 peratus) adalah dalam kohort umur dewasa. Bagi warga emas jumlahnya merosot sebanyak 527 orang berbanding dengan musim PRU lalu. Ini mungkin berlaku disebabkan kematian pengundi dalam kohort umur warga emas. Berdasarkan maklumat demografi pemilih bagi kawasan Parlimen Bukit Gantang di atas, beberapa maklumat signifikan yang perlu diambil tindakan bagi operasi PRK. Antara yang utama ialah memberi perhatian lebih kepada jumlah pengundi muda yang mewakili 34.12 peratus daripada keseluruhan kohort pengundi. Maka, kumpulan pengundi muda itu merupakan kohort pengundi strategik yang berada di medan kempen. Oleh itu, pengundi muda sama ada yang lelaki mahupun wanita merupakan kumpulan fokus pertama untuk mencipta kemenangan.

## **METODOLOGI**

Kajian lapangan di kawasan Parlimen Bukit Gantang (P59) dilakukan bermula pada 18hb. Mac hingga 5 April 2009 iaitu ketika kempen pilihan raya kecil. Seramai 900 responden/pengundi yang berumur 21 ke atas telah dipilih daripada tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu Trong seramai 300 responden, Kuala Sepetang 300 responden dan Changkat Jering 300 responden. Kajian dibuat dengan melihat sumber maklumat politik, jenis akhbar yang dibaca, kriteria dalam pemilihan calon, ciri parti politik yang dipilih, isu atau perkara yang dibualkan, tahap pembangunan yang dijalankan dan penilaian mereka serta isu lain yang berkaitan dengan pembangunan. Satu set soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan data primer. Pemerhatian dan tinjauan juga dilakukan di kawasan kajian untuk melihat perubahan landskap budaya politik, keadaan fizikal ruang atau kawasan yang relevan.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Kajian berkenaan sumber maklumat politik yang diperolehi, mendapati majoriti responden iaitu 93.4 peratus (Cina), 90.6 peratus (Melayu) dan 88.5 peratus (India) memperolehi sumber maklumat politik melalui media elektronik yang meliputi rangkaian siaran televisyen (TV). Manakala 55.8 peratus responden Melayu, 46.9 peratus (India) dan 30.3 responden berbangsa Cina memperolehi info politik melalui akhbar harian perdana seperti surat khabar, majalah dan tabloid iaitu Berita Harian, Utusan Malaysia, New Straits Times, Nanyang Siang Pau dan The Star. Dalam pada itu, responden turut memperolehi maklumat semasa politik melalui ceramah dari parti-parti politik dan perbualan seharian di premis-premis perniagaan, balai raya awam dan rumah ibadat (Jadual 1).

Jadual 1: Sumber Maklumat Politik Mengikut Etnik (Peratus)

Perkara	Melayu	Cina	India
Televisyen	90.6	93.4	88.5
Akhbar harian perdana	55.8	30.3	46.9
Radio	33.4	31.6	47.9
Sembang kedai kopi	16.6	10.5	7.3
Jiran	14.9	6.6	10.4
Rakan sekerja	13.6	6.6	15.6
Internet	11.3	13.2	7.3
Akhbar harian politik	9.5	3.9	3.1
Ibu bapa	6.1	1.3	4.2
Blog politik	5.6	6.6	15.6

Sumber: Soal Selidik 2009

### **(a) Akhbar yang Dibaca**

Akhbar utama yang dibaca oleh pengundi Melayu di kawasan Parlimen Bukit Gantang ialah Harian Metro (64.2 peratus) dan Utusan Malaysia (42.9 peratus). Bagi responden Cina (82.9

peratus) dan India (71.9 peratus) lebih suka membaca akhbar dalam bahasa ibunda mereka sendiri. Mereka berpendapat bahawa kedua-dua akhbar ini mengandungi maklumat dari aspek kemasyarakatan seperti politik, ekonomi, sosial dan persekitaran sama ada terdiri daripada berita tempatan dan antarabangsa. Kebanyakan daripada mereka juga membaca akhbar ini kerana ingin membuat perbandingan dalam isu-isu politik dan polisi yang dijalankan di negeri Perak berbanding dengan kerajaan Pakatan Rakyat di empat negeri serta di negeri-negeri yang dikuasai BN yang lain sekarang. Bagi akhbar New Straits Times (NST), hanya 3.9 peratus kaum Melayu yang membaca akhbar ini berbanding dengan responden Cina (10.5 peratus) dan responden India (7.3 peratus) kerana akhbar berbahasa Inggeris tersebut kurang dibaca oleh rakyat negeri Perak terutamanya orang Melayu di luar bandar kerana tahap penguasaan Bahasa Inggeris mereka adalah tidak begitu memuaskan (Jadual 2).

Jadual 2: Akhbar Yang Dibaca Setiap Hari Mengikut Etnik (Peratus)

Perkara	Melayu	Cina	India
Harian Metro	64.2	7.9	16.7
Utusan Malaysia	42.9	13.2	11.5
Berita Harian	35.4	3.9	24.0
Harakah	10.9	1.3	1.0
Akhbar politik	4.5	0.0	1.0
New Straits Times (NST)	3.9	10.5	7.3
Akhbar Tamil	3.0	0.0	71.9
Akhbar Cina	1.5	82.9	0.0

Sumber: Soal Selidik 2009

#### (b) Kriteria Pemilihan Calon dan Parti

Responden ditanya mengenai kriteria pemilihan calon. Secara dominannya, 72.1 peratus responden Melayu, 69.7 peratus responden Cina dan 47.9 peratus responden India menyatakan kriteria utama pemilihan calon dibuat berdasarkan mesra rakyat dan personaliti kepimpinan yang baik. Kesemua kaum juga mementingkan calon yang berpendidikan tinggi dan sebangsa dengan mereka. Responden Melayu juga mementingkan calon yang berpendidikan agama yang tinggi (Jadual 3).

Jadual 3: Kriteria Yang Digunakan Dalam Pemilihan Calon Mengikut Etnik (Peratus)

Perkara	Melayu	Cina	India
Mesra rakyat	72.1	69.7	47.9
Personaliti kepimpinan calon	55.3	40.8	54.2
Berpendidikan agama	49.2	7.9	7.3
Tahap pendidikan tinggi	43.1	31.6	45.8
Sama etnik	35.8	26.3	29.2
Ideologi/parti calon	23.5	23.7	41.7
Calon muda	15.7	15.8	18.8

Sumber: Soal Selidik 2009

Bagi ciri parti politik yang dipilih, sebanyak 66.6 peratus responden Melayu, 78.9 peratus responden Cina dan 55.2 peratus responden India menyatakan memilih parti politik yang memperjuangkan isu kemanusiaan seperti ketelusan, keadilan, hak asasi dan anti rasuah sebagai ciri utama. Kemudian diikuti parti yang memperjuangkan isu pembangunan dan kemiskinan, agama dan bangsa (Jadual 4). Mereka juga mahukan parti yang mempunyai calon yang berwibawa, bersih dan berpendidikan tinggi.



Jadual 4: Ciri-ciri Parti Politik yang Disokong Mengikut Etnik (Peratus)

Perkara	Melayu	Cina	India
Yang memperjuangkan isu kemanusiaan	66.6	78.9	55.2
Yang memperjuangkan isu pembangunan dan kemiskinan	63.8	56.6	67.7
Yang memperjuangkan agama dan bangsa	59.6	27.6	20.8
Yang mempunyai calon yang berwibawa, bersih dan berpendidikan tinggi	41.0	32.9	33.3
Yang mempunyai trek rekod yang baik	29.7	36.8	20.8
Yang memperjuangkan isu nasionalisme dan global	27.9	26.3	25.0
Yang dapat menunaikan manifesto	27.1	18.4	17.7
Yang memperjuangkan isu DEB	20.5	19.7	12.5

Sumber: Soal Selidik 2009

### (c) Isu yang Dibincangkan

Dalam pilihan raya kecil Parlimen Bukit Gantang, isu paling hangat dibincangkan ialah pemulihan ekonomi (Jadual 5). Isu tersebut dialami oleh semua pihak dan melibatkan kesan berantai iaitu daripada kenaikan harga bahan api, tambang kenderaan, hartanah hinggalah harga barangan. Kesannya amat dirasai bagi golongan yang berpendapatan rendah sama ada di kampung atau di bandar. Masalah pekerjaan, kestabilan dan perpaduan, kepimpinan dan rasuah juga menjadi topik perbualan harian pengundi.

Jadual 5: Isu/Perkara yang Selalu Dibualkan/Dibincangkan Mengikut Etnik (Peratus)

Perkara	Melayu	Cina	India
Pemulihan ekonomi	67.7	68.4	78.1
Isu pekerjaan	37.4	25.0	42.0
Isu kestabilan dan perpaduan	30.7	23.7	25.0
Isu kepimpinan	30.1	13.2	19.8
Isu pembangunan	29.3	30.3	54.2
Isu rasuah	28.9	30.3	29.2
Isu tanah	22.3	18.4	29.2
Isu petempatan/perumahan	16.1	11.8	30.5

Sumber: Soal Selidik 2009

### (d) Krisis Politik dan Perlembagaan

Dari segi pandangan responden mengenai krisis politik dan perlembagaan Negeri Perak, 78.7 peratus responden Melayu, 81.6 peratus Cina dan 48.9 peratus responden India bersetuju bahawa mereka tidak merestui wakil rakyat mereka melompat parti. Kebanyakan soalan mengenai krisis perlembagaan Perak memperlihatkan responden Melayu lebih cenderung menyokong kepimpinan UMNO-BN berbanding responden Cina dan India pula lebih memihak kepada pihak PAS/Pakatan Rakyat. Manakala dari segi pengekaln Kerajaan Perak di bawah BN dalam pilihan raya umum ke-13, masing-masing 81.6 peratus, 71.1 peratus dan 59.4 peratus responden Melayu, Cina dan India bersetuju dengan kenyataan tersebut. Seterusnya, 68.6 peratus responden Melayu, 63.2 peratus responden Cina dan hanya 42.7 peratus responden India menyokong Dato' Seri Mohd. Najib sebagai Perdana Menteri bagi menerajui pembangunan Malaysia (Jadual 6).

Jadual 6: Pandangan Responden Mengenai Krisis Politik Semasa dan Krisis Perlembagaan Negeri Perak Mengikut Etnik (Peratus)

Bil	Kenyataan	Melayu	Cina	India
<b>KRISIS POLITIK SEMASA</b>				
1	Tidak merestui wakil rakyat mereka melompat parti	78.7	81.6	48.9
2	Menyatakan DUN Perak tidak perlu dibubarkan bagi memberi laluan pilihan raya baru	53.2	47.4	26.0
3	Berpendapat krisis politik di Perak menjejaskan demokrasi dan keadilan di Malaysia	74.4	68.4	57.3
4	Bersetuju dasar yang dijalankan oleh pemerintahan Pakatan Rakyat lebih merugikan kaum Melayu	65.2	38.2	21.9
5	Menerima pembentukan kerajaan baru BN sekarang satu penyelesaian terbaik dalam menangani krisis semasa di Perak	66.6	50.3	35.5
6	Menyokong sepenuhnya Menteri Besar (Datuk Dr. Zambry Abd Kadir) dan EXCONya yang baru dilantik oleh Sultan Perak	64.9	51.3	43.8
7	Bersetuju individu yang mengingkari keputusan Raja dan mencetuskan perbalahan perlu ditahan dibawah ISA	75.0	59.2	34.4
8	Mahukan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dikekalkan dan dinilai semula selaras dengan perubahan semasa	84.7	77.6	64.6
9	Mahu mengekalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) demi menjaga keselamatan negara	78.4	64.5	36.5
10	Bersetuju Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menjalankan tugasnya dengan baik dan berkecuali	75.2	78.9	56.2
11	BN perlu terus memerintah di Perak	81.6	71.1	59.4
12	Menyokong kepimpinan Perdana Menteri yang keenam (Dato' Sri Mohd. Najib) menerajui Kerajaan Malaysia	68.6	63.2	42.7
<b>KRISIS PERLEMBAGAAN NEGERI PERAK</b>				
1	Tindakan yang dilakukan oleh Pakatan Rakyat adalah salah dan tidak akur dengan perkenan Sultan Perak	71.4	65.8	43.7
2	Menyatakan krisis perlembagaan di Perak mempengaruhi pilihan parti politik	48.1	35.6	40.0
3	Bersetuju peranan yang dimainkan pihak Istana menggambarkan kehendak rakyat Perak	62.1	39.5	31.3
4	Berpendapat krisis perlembagaan di Perak meningkatkan sokongan rakyat terhadap BN	56.5	43.4	28.1
5	Menyatakan mereka tidak pernah melihat dan memahami Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Perak	66.7	71.1	50.0
6	Menyatakan keputusan yang dibuat oleh sultan tidak boleh dibawa ke mahkamah	67.0	60.5	38.6
7	Bersetuju sebagai seorang rakyat negeri Perak, perbuatan mengingkari keputusan Raja adalah satu 'penderhakaan'	84.2	45.3	44.8
8	Sebagai seorang rakyat negeri Perak, mereka tetap mempertahankan dan menghormati Undang-Undang Tubuh Negeri Perak & Institusi Raja	93.6	80.2	59.4

Sumber: Soal Selidik 2009



### (e) Parti yang Dijangka Menang

Dari segi jangkaan parti yang akan menang dalam Pilihan Raya Kecil Parlimen Bukit Gantang, kebanyakan responden Melayu dan Cina menyatakan BN akan memenangi semula kerusi Parlimen Bukit Gantang, berbanding dengan India lebih cenderung kepada PAS. Ini kerana bagi kaum Melayu, kuasa politik sesebuah kerajaan perlu dipegang oleh pemimpin Melayu dalam menjaga seterusnya mengukuhkan kedaulatan Melayu serta segala pembuatan keputusan-keputusan polisi negeri yang penting perlu mengutamakan orang Melayu yang masih majoriti di negeri ini. Namun demikian bagi responden India, 57.3 peratus menyatakan PAS akan mengekalkan kemenangan 2008 yang lalu kerana isu peralihan kuasa kerajaan Perak yang dilihat mereka tidak menyokong demokrasi atau suara rakyat keseluruhannya (Jadual 7).

Jadual 7: Jangkaan Parti yang akan Menang dalam Pilihan Raya Kecil Parlimen Bukit Gantang Mengikut Etnik (Peratus)

Perkara	Melayu	Cina	India
BN	45.5	35.5	20.8
PAS	27.0	34.2	57.3
Calon Bebas	0.6	3.9	1.0
Tidak pasti	27.5	26.3	20.8

Sumber: Soal Selidik 2009

### KEPUTUSAN UNDIAN

Bekas Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin berjaya mempertahankan kerusi yang dimenangi PAS pada Pilihan Raya Umum Ke-12 (PRU 12) dengan memperolehi 21,860 undi. Beliau menewaskan calon anak tempatan daripada Barisan Nasional (BN), Ismail Saffian yang memperolehi 19,071 undi dan calon Bebas, Kamarul Ramizu Idris yang hanya menerima 62 undi dan hilang wang pertaruhan. Undi rosak sebanyak 456 undi dan peratus keluar mengundi bagi pilihan raya kecil ini adalah sebanyak 75 peratus.

Jika dilihat kepada keputusan mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Daerah/Peti Undi, untuk DUN Kuala Sepetang, bagi daerah mengundi campuran (kaum), PAS menang di daerah mengundi Simpang Halt dengan majoriti 177 undi manakala BN menang di Sungai Mati (majoriti 36 undi). Bagi daerah mengundi majoriti kaum Cina, PAS menang di kesemua 2 daerah mengundi iaitu Kuala Sepetang (majoriti 1584 undi) iaitu memperolehi 84.26 peratus daripada undi yang dikeluarkan dan Jalan Manggala (majoriti 302 undi). Bagi kawasan majoriti Melayu pula, BN mendominasi dengan memenangi 6 peti undi di Kamunting Station (majoriti 405 undi), Ayer Puteh (majoriti 20 undi), Jebong (majoriti 231 undi), Matang Gelugor (majoriti 86 undi), Sungai Limau (majoriti 42 undi) dan Kampung Jaha (majoriti 54 undi). PAS pula menang di kubu tradisi mereka di Changkat Ibol (majoriti 800 undi), Bendang Siam (majoriti 176 undi) dan Kampung Menteri (majoriti 42 undi). Oleh itu, secara keseluruhan bagi DUN Kuala Sepetang, PAS menang dengan majoriti 2207 undi (Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia, *Helaihan Mata/Score Sheet* Keputusan Pilihan Raya Kecil Parlimen Bukit Gantang, Perak 2009).

Bagi DUN Changkat Jering pula, kawasan majoriti Melayu yang dimenangi BN ialah Air Kuning (majoriti 544 undi), Changkat Jering (majoriti 80 undi), Jelutong (majoriti 129 undi) dan Bukit Gantang (majoriti 112 undi). PAS pula menang di Kampung Cheh (majoriti 40 undi). Bagi kawasan majoriti Cina, PAS menang besar di Simpang Baru dengan memperolehi 84 peratus undi iaitu majoriti 624 undi. Manakala bagi kawasan campuran

kaum pula, PAS menang di kesemua 5 peti undi iaitu Pengkalan Aor (majoriti 482 undi), Simpang Lama (majoriti 338 undi), Jalan Simpang (majoriti 469 undi), Kawasan JKR (majoriti 508 undi) dan Larut Tin (majoriti 94 undi). Secara keseluruhan bagi DUN Changkat Jering, PAS menang dengan 1690 undi majoriti (Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia, *Helaian Mata/Score Sheet* Keputusan Pilihan Raya Kecil Parlimen Bukit Gantang, Perak 2009).

Bagi DUN Trong, BN menang di 5 peti undi majoriti Melayu iaitu di Kampung Tebok Trong (majoriti 8 undi), Bukit Gantang Selatan (majoriti 160 undi), Sungai Che Rahmat (majoriti 51 undi), Permatang Raja (majoriti 316 undi), dan Batu Hampar (majoriti 11 undi), manakala PAS menang di Kuala Trong dengan kelebihan 91 undi. Bagi kawasan majoriti Cina pula didapati undi PAS dan BN adalah sama iaitu masing-masing mendapat 57 undi. Manakala bagi kawasan campuran kaum pula, BN menang di 3 peti undi iaitu Temelok (majoriti 126 undi), Sungai Tinggi (majoriti 279 undi) dan Padang Gajah (majoriti 299 undi) manakala PAS menang di 4 kawasan iaitu Trong (majoriti 43 undi), Trong Barat (majoriti 102 undi), Ayer Terjun (majoriti 84 undi) dan Sungai Rotan (majoriti 26 undi). Bagi DUN Trong ini secara keseluruhannya BN menang dengan majoriti 904 undi (Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia, *Helaian Mata/Score Sheet* Keputusan Pilihan Raya Kecil Parlimen Bukit Gantang, Perak 2009).

Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Sepetang yang mempunyai 6,276 orang atau 31.8 peratus pemilih berdaftar kaum Cina mencatatkan jumlah keluar mengundi tertinggi seramai 15,411 pengundi atau 78.14 peratus. Dan di situ sahaja, BN kalah dengan majoriti lebih 2,000 undi. Ini bermakna BN mengalami majoriti kekalahan lebih 100 peratus berbanding majoriti kemenangan pembangkang di DUN itu pada pilihan raya umum lalu yang hanya 564 undi. Kesemua daerah-daerah mengundi yang majoritinya pengundi Cina BN tewas dengan majoriti yang besar. BN juga kalah dalam DUN Changkat Jering yang mencatat peratusan keluar mengundi 73.79 peratus atau 18,418 pengundi. Namun, BN mencatatkan pertambahan undi di kesemua daerah mengundi yang majoritinya pengundi Melayu terutamanya di DUN Trong. BN hanya menang di DUN Trong iaitu daerah terbesar dengan jumlah pengundi terkecil iaitu 10,796 orang. Itupun dengan majoriti tidak sampai 1,000 undi daripada 7,928 orang atau 73.8 peratus yang keluar mengundi.

Keseluruhannya 41,757 orang atau 75.34 peratus keluar mengundi pada pilihan raya kecil ini, pertambahan 2.69 peratus berbanding 72.65 peratus atau 40,299 orang pada Pilihan Raya Umum (PRU) 2008. Calon Pas yang mendapat sokongan 100 peratus daripada parti pakatan pembangkang DAP dan PKR, menang dengan majoriti 2,789 undi iaitu pertambahan 1,223 undi berbanding pilihan raya umum tahun lalu.

Kekalahan BN di Bukit Gantang, memaparkan bahawa pengundi daripada parti komponen iaitu MCA dan GERAKAN majoritinya tidak memihak kepada BN. Namun tentulah tidak adil untuk meletakkan kesalahan 100 peratus kepada kedua-dua parti itu sahaja. Hanya persoalannya, ke mana undi para penyokong BN yang kecewa dengan fenomena pada 2008 dan dikatakan sudah kembali menyokong BN. Dato' Sri Mohd. Najib bersama saf kepimpinan baru yang bakal diumumkan nanti mempunyai masa untuk meyakinkan rakyat agar mempercayai konsep 'parti, rakyat, kerajaan' serta gagasan 'Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Prestasi Diutamakan' yang menjanjikan kestabilan dan kemakmuran kepada negara.

## **KESIMPULAN**

Dapatlah disimpulkan bahawa pola pemikiran politik antara kaum berbeza terhadap kerajaan atau parti politik yang bertanding. Ketiga-tiga kaum lebih cenderung memilih BN, walaupun peratus menyokong PAS oleh kaum Cina dan India adalah meningkat. Mereka juga tidak suka wakil rakyat yang dipilih melompat parti. Tindakan yang dilakukan oleh Pakatan Rakyat di negeri Perak terhadap Sultan adalah salah dan menyatakan mereka tetap mempertahankan dan menghormati Institusi Raja serta tidak mahu bersikap derhaka. Walaupun BN tewas, pengundi di kawasan Parlimen Bukit Gantang tetap menyokong kepemimpinan Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib menerajui Kerajaan Malaysia.

## **RUJUKAN**

Ibrahim Abu Shah, Shireen Haron, Norshidah Nordin, Shaharuddin Badaruddin, Mat Zin Mat Kib, Yadman Sarwan, S. Salahuddin Suyurno, Zulkifli Dahalan, Mujibu Muis & Shu'aibi Zainal Abidin. 2009a. Isu Dan Tingkah Laku Semasa Kempen Pilihan Raya Kecil Parlimen Permatang Pauh. Dlm Worrn Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. *Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*. Sabah: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.

Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. Pilihan Raya Kecil DUN Pengkalan Pasir, Kelantan 2006: Petanda BN Menguasai Kelantan. Dlm. Stanislaus Sandarupa. *Prosiding Seminar Bersama Universiti Hasanuddin dan Universitas Kebangsaan Malaysia*. Kemelayuan Indonesia dan Malaysia. Makasar: Universitas Hasanuddin, Indonesia.

Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. 2009 Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu (P36) Januari 2009: Satu Pungutan Pendapat Awam Pra-Pilihan Raya. *Prosiding Seminar Bersama Universiti Hasanuddin dan Universitas Kebangsaan Malaysia (SERUMPUN) IV*. Penelitian Dunia Melayu Malaysia-Indonesia Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Yusof Kasim & Azlan Ahmad. 2002. Pendahuluan. Dlm Mohd Yusof Kasim Azlan Ahmad. *Politik Baru dalam Pilihan Raya Umum*. Bangi:Penerbit UKM.

Pemerhatian di Lapangan (DUN Kuala Sepetang, Changkat Jering dan Trong), April 2009. Rahman Shaari. 2009. *Tingkah politik*. Shah Alam: Buku Prima Sdn Bhd.

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, Helaian Mata/*Score Sheet* Keputusan Pilihan Raya Kecil Parlimen Bukit Gantang, Perak 2009.

Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1955*. Kuala Lumpur, Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1959*. Kuala Lumpur, Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1964*. Kuala Lumpur, Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1969*. Kuala Lumpur, Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1974*. Kuala Lumpur, Malaysia.

- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1978*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1982*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1986*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1990*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1995*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 1999*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 2004*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suruhanjaya Pilihan Raya, *Laporan Pilihan Raya Umum 2008*. Kuala Lumpur, Malaysia.
- Vasil, R. K. 1971. *Politics in plural society: a study of non-communal political parties in West Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zulkanain Abdul Rahman, Mohammad Redzuan Othman, Amer Saifude Ghazali, Shaharuddin Badaruddin & Md. Rozimi Md Nasir. 2009. *Persoalan Dan Makna Di Sebalik Pilihan Raya Kecil Permatang Pauh*. Dlm Worrn Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline. *Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*. Sabah: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.

Junaidi Awang Besar  
Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: [jab@ukm.my](mailto:jab@ukm.my)